

NIC banyak kesan buruk: PM

DH - 5 AUG 1989

KUALA LUMPUR, Isnin — Malaysia mengambil keputusan menolak sebarang undangan seminar yang membabitkan perbincangan mengenai Negara Perindustrian Baru (NIC) kerana membantah gelaran NIC dan bagi mengelak negara ini dilabelkan sebagai NIC.

Sambil mengajak rakyat menolak NIC, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata gelaran itu tidak penting, walaupun sebelum ini, ia dianggap sebagai satu penghormatan.

Beliau menegaskan bahawa penolakan gelaran itu tidak bermakna Malaysia membela-kangi usaha memajukan negara, sebaliknya akan terus menggalakkan perkembangan perindustrian dan pertumbuhan ekonomi.

Sambil mengulangi pendirian kerajaan untuk tidak menjadikan Malaysia sebuah negara NIC, Perdana Menteri berkata, taraf NIC hanya akan menyekat proses kemajuan negara.

“Malaysia sudah banyak kali dijemput menghadiri seminar dan persidangan yang menyentuh soal NIC, pendekatan NIC dan negara-negara membangun, tetapi kita menolaknya.

“Kita melihat jemputan itu sebagai tindakan untuk memajukan kita ke dalam taraf NIC dan dengan itu, mengenakan sekatan yang serupa kepada negara yang sudah mencapai taraf NIC. Bagi kita, taraf NIC hanya akan menyekat kemajuan kita.

“Oleh itu, kita tidak mahu menjadi NIC dan kita tidak memerlukan gelaran itu,” katanya ketika berucap merasmikan Konvensyen ke-10 Persatuan Ekonomi Malaysia.

Datuk Seri Dr Mahathir

membidas sekumpulan tujuh negara kaya yang memberikan gelaran itu semata-mata kerana mereka menghadapi masalah dengan Jepun, dan kemudian mengenakan pelbagai bentuk sekatan yang membebaskan negara membangun apabila mereka mencapai taraf NIC.

Menurut beliau, ada sesetengah pihak mengatakan bahawa tahap pencapaian NIC sekarang diturunkan daripada perolehan pendapatan AS\$7,000 kepada AS\$3,000 per kapita.

■ TEKS UCAPAN PERDANA MENTERI DI MUKA 10

“Setiap negara sepatutnya bebas meningkatkan ekonomi masing-masing dan menjadi se kaya mungkin. Kita akan membantah ketidakadilan terhadap kategori NIC itu,” katanya.

Perdana Menteri berkata, bagi meneruskan usaha menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara, usahawan Bumiputera hendaklah menjadikan kemahiran pengurusan sebagai bidang tumpuan dalam dasar ekonomi negara selepas 1990.

Katanya, kelemahan pengurusan di kalangan Bumiputera yang menikmati faedah menerusi Dasar Ekonomi Baru (DEB) menyebabkan ramai yang gulung tikar dan dengan itu, menjejaskan kemajuan ekonomi negara.

Beliau berkata, sikap Bumiputera yang menganggap DEB sebagai cara mudah untuk menjadi kaya ternyata satu kesilapan besar, yang secara langsung menggagalkan pencapaian dasar itu.